

22 JANUARI 2018

Makmal dadah proses ekstasi guna YouTube

4 DALAM NEGERI



MOHD. KHALIL KADER MOHD. menunjukkan antara barang rampasan untuk memproses dadah jenis ekstasi dalam satu serbuan di Jalan Sulaiman, Muar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, semalam. -UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

Dua diberkas bersama dadah RM1.4 juta

Makmal dadah proses ekstasi guna YouTube

Oleh **ZULHSIHAM ISAHAK**
penegarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 21 JAN.

PROSES serbuk ekstasi untuk dijadikan puluhan ribu pil hanya dengan berpandukan video pada laman YouTube.

Itu yang dilakukan dua lelaki tempatan untuk mengaut keuntungan lebih hasil penjualan dadah sintetik tersebut.

Kegiatan haram itu dilakukan mereka di sebuah pondok yang dibina sendiri untuk dijadikan makmal dadah berhampiran tokong di Jalan Sulaiman, Muar dekat sini.

Bagaimanapun serbuan yang dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu pejabat Polis Daerah Muar kira-kira pukul 4.30 petang kelmarin membongkar kegiatan

mereka dan kedua-dua suspek berusia 31 dan 41 tahun itu diberkas.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, pelbagai jenis dadah iaitu serbuk ekstasi seberat 13.4 kilogram (kg); ketamin (362.30 gram); ganja (299.30 gram) dan syabu (53 gram) yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM1.4 juta dirampas.

Katanya, turut ditemukan ialah pelbagai peralatan antaranya dua botol cecair sodium klorida; alkohol dan alat pengisar disyaki digunakan untuk memproses ekstasi.

"Jumlah serbuk ekstasi yang dirampas jika diproses mampu menghasilkan 45,000 pil ekstasi dan dipercayai untuk dipasarkan di sekitar negeri ini.

"Bagaimanapun kita masih

menyiasat berapa lama mereka telah beroperasi di pondok tersebut," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Kontinjen negeri di sini hari ini.

Mohd. Khalil memberitahu, pihaknya menyita masing-masing sebuah kereta jenis Perodua Myvi; Proton Perdana dan pacuan empat roda jenis Isuzu Trooper bernilai kira-kira RM54,000 serta wang tunai RM4,000 dipercayai milik kedua-dua suspek.

Menurutnya lagi, siasatan lanjut mendapati kedua-dua suspek yang positif dadah methamphetamine turut memiliki rekod jenayah lampau berkaitan dadah.

Tambahnya, kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari sehingga 26 Januari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.